



BULETIN LENSA MUALLIM



Bil. 1/2019
EDARAN PERCUMA



**YB PUAN HAJJAH
ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN**
LAWATAN MENTERI PERUMAHAN &
KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) KE
BANDAR BELIA MALAYSIA (BBM)

**YB TUAN KHALID
BIN ABD SAMAD**
LAWATAN MENTERI WILAYAH KE
BANDAR BELIA MALAYSIA (BBM)

**MAJLIS ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG
2018**

LENSA MUALLIM

ISI KANDUNGAN

- 1 PROGRAM KESEDARAN "KATAKAN TIDAK PADA PLASTIK 2019"
LAWATAN TURUN PADANG ZON A9 DI KOTA MALIM PRIMA 1 DAN 2.
- 2 KURSUS PERKHIDMATAN KAUNTER CEMERLANG
LAWATAN TURUN PADANG SEKIAH MAKMUR.
- 3 TAKLIMAT PEMBANGUNAN BERCAMPUR SECARA USAHASAMA.
LAWATAN PENANDARASAN PEMBANGUNAN SISTEM GIS.
- 4 LAWATAN PENANDAARASAN EKSA KE MAJLIS PEMBANDARAN MANJUNG.
PERLAWANAN PERSAHABATAN PING PONG BERSAMA MDHS.
- 5 AUDIT PEMATUHAN SISTEM PENGURUS KUALITI MS ISO 9001 : 2015.
PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
- 6 PENYERAHAN KUNCI KABIN PUSAT KEMUDAHAN AHLI MAJLIS.
SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT MDTM 2019.
- 7 KURSUS PENGUURUSAN PELUPUSAN REKKOD DAN FAIL.
LAWATAN KETUA PENGARAH JABATAN LANDSKAP NEGARA.
- 8 HARI TANPA KENDERAAN DAN PELANCARAN CYCLEDIOS.
- 9 WORLD AUTISM AWARENESS DAY.
ISO 9001:2015 - EFFECTIVE INTERNAL AUDITING TRAINING.
- 10 LAWATAN MENTERI PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN.
- 12 LAWATAN MENTERI WILAYAH KE BANDAR BELIA MALAYSIA.
- 14 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019.
- 15 LATIHAN "FIRE DRILL".
TAKLIMAT KEBAKARAN & UNDI TAPAK BAZAR RAMADAN 2019.
- 16 PROGRAM BAHASA INGGERIS "ENGLISH IS EASY"
LATIHAN "MOCK DRILL" TAHUN 2019.
- 17 PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM BIL.3/2018.
MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KUMPUL MINYAK MASAK TERPAKAI.
- 18 PROGRAM IHYA RAMADAN
PROGRAM KUMPUL MINYAK MASAK TERPAKAI & ZIARAH BAZAR.
- 19 PROGRAM BUBUR LAMBUK MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM 2019.
PROGRAM BAKUL KASIH 2019.
- 20 PROGRAM SAMBUTAN AIDILFITRI MDTM 2019.



*Perutusan
Yang Dipertua*

ASSALAMUALAIKUM W.B.T. DAN SALAM SEJAHTERA

ALHAMDULILLAH, DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA ALLAH SWT KITA MASIH MAMPU MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB KITA UNTUK KEPENTINGAN MASYARAKAT PADA TAHUN INI. SAYA SELAKU YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SIDANG REDAKSI BULETIN 'LENSA MUALLIM' MDTM KERANA MEMBERI PELUANG KEPADA SAYA UNTUK MENYAMPAIKAN SEDIKIT KATA-KATA ALUAN SEMPERNA BULETIN MDTM EDISI 1/2019.

SESUNGGUHNYA, PENERBITAN BULETIN MDTM ADALAH SATU MEDIUM PERANTARAAN UNTUK MENYAMPAIKAN SUMBER INFORMASI BERBENTUK PENGETAHUAN DAN SEBARAN TERHADAP AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM (MDTM) SEPANJANG TAHUN MENERUSINYA. AKAN MENDEKATKAN MASYARAKAT DAN ORGANISASI KERAJAAN SELARAS USAHA UNTUK KERAJAKAN DAN FAEDAH BERSAMA BAGI MENCAPAI KESEJAHTERAAN, KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN SETEMPAT.

SEHUBUNGAN ITU, SAYA MENYERU DAN MENARUH HARAPAN AGAR PENERBITAN INI SEBAGAI SATU WADAH 'PENYAMPAIAN MAKLUMAT' EFEKTIF DALAM MENTERJEMAHKAN SECARA INFORMASI, TINDAKAN DAN PROGRAM YANG DIJANAKAN OLEH MDTM SEBAGAI RESPONSIVE MEMARTABATKAN MDTM YANG MESRA, PRIHATIN DAN EFESYEN KEPADA MASYARAKAT.

AKHIRNYA, SEKALING PENGHARGAAN DAN UCAPAN SYARAS ATAS SEGALA KOMITMEN, DEDIKASI DAN DAYA USAHA BERSUNGCUH YANG DITUNJUKKAN OLEH JAWATANKUASA YANG TERLIBAT DALAM MENERBITKAN BULETIN MDTM INI. KEPERHATINAN DAN KEPERAN MERUPAKAN TUNJANG UNTUK MEMASTIKAN MAKLUMAT ORGANISASI DESEBAR LUASKAN KEPADA PENGETAHUAN MASYARAKAT KESELURUHANNYA.

TERIMA KASIH DAN TAHNIAH.

FAZAL NIZAM BIN MD NOR
YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

Direktori

FAIZAL NIZAM BIN MD NOR, YANG DIPERTUA - 05-4563400
IR ABD RAHMAN BIN GHAZALI (JABATAN KEJURUTERAAN) - 05-4563433
ZUHAIRI BIN HASHIM (JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN) - 05-4563411
NOOR ZATUL 'IFFAH BINTI IBRAHIM (JABATAN PERBENDAHARAAN) - 05-4563422
NOR SHAHILA BINTI MOHYIDIN (UNIT PUSAT SEHENTI) - 05-4563416
SITI AIDA BINTI RASIDI (JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN) - 05-4563445
SHARUDDIN BIN JAAFAR (UNIT UNDANG-UNDANG) - 05-4563443
ROHANA BINTI MAT NAYAN (JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA) - 05-4563427
AHMAD ZAMIL BIN SABRI (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) - 05-4563439
SHAHZAN HAFIZ BIN ZAINAL ABIDIN (BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT) - 05-4563437
MUHD SAIFULBAHARI BIN HASSAN (BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN) - 05-4563453
NORHIDAYAH BINTI JAMALUDIN (UNIT AUDIT DALAM) - 05-4563455

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

TUAN FAIZAL NIZAM BIN MD NOR
YANG DIPERTUA, MDTM

EDITOR

ENCIK SHAHZAN HAFIZ BIN ZAINAL ABIDIN

PENYUMBANG BAHAN/JURUGAMBAR

ENCIK MOHAMAD SYUKURI BIN HAMID
ENCIK MUHAMMAD FITRI BIN ABDUL BARRI
ENCIK MUHAMMAD AMIRULFAIZ BIN MOHAMAD ARIF

PENGARANG/PEREKA GRAFIK

ENCIK PARTHIVAN A/L VEERANAN
ENCIK MUHAMMAD ZAKI BIN ABDUL NAIM

PENCETAKAN/EDARAN
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

TERBITAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

PROGRAM KEMPEN KESEDARAN PENGGUNA “KATAKAN TIDAK PADA PLASTIK” DAERAH MUALLIM 2019

Pada 7 Januari 2019 yang lalu telah diadakan Program Kempen Kesedaran Pengguna “Katakan Tidak Pada Plastik” Daerah Muallim 2019. Program ini diadakan di Auditorium Seri Tanjung, Majlis Daerah Tanjong Malim. Ucapan aluan telah disampaikan oleh Puan Junaidah Jamaludin, Ahli Majlis Majlis Daerah Tanjong Malim. Kemudian diiringi dengan ucapan Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim serta Ucapan perasmian oleh YB Chang Lih Kang, Ahli Parlimen Tanjong Malim.



LAWATAN TURUN PADANG ZON A9 DI KOTA MALIM PRIMA 1 DAN 2

Pada 10 Januari 2019 yang lalu telah diadakan Lawatan Turun Padang Zon A9 di Kota Malim Prima 1 & 2. Pihak yang terlibat dalam lawatan tersebut ialah Setiausaha MDTM Encik Roslan Bin Kamaruzaman, Ketua Jabatan serta beberapa kakitangan MDTM, Ahli Majlis MDTM, Area Officer dan KRT Kota Malim Prima 1 & 2. Lawatan ini bertujuan mendengar permasalahan yang diajukan oleh penduduk kawasan Kota Malim Prima 1 & 2.



KURSUS PERKHIDMATAN KAUNTER CEMERLANG

11 Februari 2019 | Auditorium Seri Tanjung

Pada 11 Februari 2019 hingga 12 Februari 2019 yang lalu telah diadakan Kursus Perkhidmatan Kaunter Cemerlang. 2 orang Fasilitator iaitu Encik Meor Saharizan bin Meor Idris, Penolong Perunding Latihan (P)2 dan Encik Abdul Ghaffar bin Abd. Ghani, Penolong Pendaftar (K). Tujuan kursus ini diadakan adalah bagi mampertingkatkan mutu organisasi awam dalam membantu orang awam yang ingin berurusan dengan jabatan.



LAWATAN TURUN PADANG SEKIAH MAKMUR

14 Februari 2019 | Taman Sekiah Makmur, Tanjong Malim

Pada 14 Februari 2019 yang lalu telah diadakan Lawatan Turun Padang Sekiah Makmur, Tanjong Malim. Pihak yang terlibat ialah Pegawai Majlis Daerah Tanjong Malim, Pihak Kontraktor, IWK dan Penduduk Taman Sekiah Makmur.



TAKLIMAT PEMBANGUNAN BERCAMPUR SECARA USAHASAMA DI ANTARA MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM & SYARIKAT PERMODALAN MAS MEWAH SDN BHD

Pada 20 Februari 2019 yang lalu telah diadakan Taklimat Pembangunan Bercampur Secara Usahasama diantara Majlis Daerah Tanjong Malim dengan Syarikat Permodalan Mas Mewah Sdn Bhd di Auditorium, MDTM.



LAWATAN PENANDARASAN BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

Pada 21 Februari 2019 yang lalu telah diadakan Lawatan Penandaarasan Berkenaan Sistem Geographic Information System (Gis) di Dewan Seri Malim, Majlis Daerah Tanjong Malim. Seramai 16 orang kakitangan Majlis Daerah Batu Gajah telah menghadiri lawatan ini. Tujuan lawatan ini adalah bagi perkongsian berkenaan pembangunan penggunaan Sistem GIS yang telah digunapakai oleh Majlis Daerah Tanjong Malim.



LAWATAN PENANDAARASAN EKSA KE MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

Pada 26 Februari 2019 yang lalu telah diadakan Lawatan Penandaarasan EKSA ke Majlis Perbandaran Manjung (MPM). Seramai 31 orang kakitangan Majlis Daerah Tanjong Malim menyertai Lawatan ini. Tujuan lawatan ini adalah bagi mendapatkan khidmat nasihat dan tunjuk ajar serta membuat lawatan ke setiap jabatan/bahagian/unit di MPM. MPM telah berjaya mendapatkan pengiktirafan sijil EKSA pada 20/12/2018 daripada Unit Permodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan status cemerlang.



PERLAWANAN PERSAHABATAN SUKAN PING PONG BERSAMA MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

Pada 28 Februari 2019 yang lalu telah diadakan telah diadakan Pelawanan Persahabatan Sukan Ping Pong Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) bersama Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS). Seramai 32 Kakitangan dari kedua-dua Majlis terlibat dalam perlawanan persahabatan ini. Pemain daripada MDHS telah disambut oleh Setiausaha Majlis Daerah Tanjong Malim iaitu Encik Roslan Bin Kamaruzaman. Tujuan Perlawanan Persahabatan ini diadakan adalah bagi persediaan MDTM dalam menghadapi Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Perak yang dijadualkan berlangsung pada September 2019.



AUDIT PEMATUHAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015

Pada 29 hingga 30 Januari 2019 yang lalu telah diadakan Audit Pematuhan Pertama ISO 9001:2015 bertempat di Bilik Seri Malim, Majlis Daerah Tanjong Malim. Semua Jabatan/Bahagian/Unit serta 2 orang juruaudit dan seorang juruaudit dalam latihan daripada pihak CI International Sdn Bhd terlibat di dalam pengauditan ini. Pensijilan ISO 9001:2015 ini bertarikh luput pada 21/2/2021. Ketua auditor - Mr.Prem Kumar dan dibantu oleh En Selamat Abd Rahim serta En. Zulkifli Sheerat



PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM BIL 1/2019

Pada 1 Februari 2019 yang lalu telah diadakan Perhimpunan Bulanan Majlis Daerah Tanjong Malim Bil 1 2019. Perhimpunan tersebut diadakan di Auditorium Seri Tanjong, Majlis Daerah Tanjong Malim. Majlis dimulakan dengan ketibaan Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, Nyanyian lagu Negaraku, Nyanyian Lagu Negeri Perak dan Bacaan doa. Ucapan dan kata-kata aluan daripada Tuan Yang Dipertua iaitu Tuan Faizal Nizam bin Md Nor. Seterusnya ucapan dan kata-kata aluan dari Encik Roslan bin Kamaruzaman Setiausaha Majlis Daerah Tanjong Malim. Acara memotong kek hari lahir.



PENYERAHAN KUNCI KABIN PUSAT KEMUDAHAN AHLI MAJLIS (PUSKEM)

Pada 1 Mac 2019 yang lalu telah diadakan sesi Penyerahan Kunci Kabin Pusat Kemudahan Ahli Majlis. Penyerahan ini dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, Tuan Faizal Nizam Bin Md Nor.



SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM TAHUN 2019

Pada 8 Mac 2019 yang lalu telah diadakan Sambutan Hari Wanita Peringkat Majlis Daerah Tanjong Malim. Seramai 62 ahli wanita yang terdiri daripada kakitangan Majlis Daerah Tanjong Malim. Perasmian Sambutan Hari Wanita ini dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, Tuan Faizal Nizam Bin Md Nor. Aktiviti yang dijalankan seperti Zumba dan Pertandingan Badminton. Pertandingan Badminton ini disertai 16 orang pasangan. Tujuan program ini diadakan adalah bagi menghargai sumbangan para wanita dalam urusan perkhidmatan di dalam organisasi.



KURSUS PENGURUSAN PELUPUSAN REKOD DAN FAIL

Pada 12 Mac 2019 hingga 13 Mac 2019 yang lalu telah diadakan Kursus Pengurusan Pelupusan Rekod dan Fail di Auditorium Seri Tanjung, MDTM. Kursus ini dikendalikan oleh Cik Shahida binti Mohamad Salleh Penolong Pengarah, Arkib Negara Malaysia Negeri Perak. Seramai 33 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan Majlis Daerah TanjongMalim terlibat dalam kursus ini. Tujuan kursus ini diadakan adalah bagi memberi pemahaman yang lebih jelas kepada semua kakitangan yang terlibat.



LAWATAN KETUA PENGARAH JABATAN LANDSKAP NEGARA KE TAPAK TAMAN AWAM

Pada 27 Mac 2019 yang lalu telah diadakan Lawatan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Hajah Rotina Binti Mohd Daik dan diiringi oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, En. Faizal Nizam b Md Nor ke Tapak Taman Awam yang bertempat di Taman Rimba Bandar Proton, Tanjong Malim, Perak. Lawatan tersebut bertujuan untuk memantau perkembangan projek-projek yang telah dibangunkan oleh pihak Jabatan Landskap Negara.



HARI TANPA KENDERAAN DAN PELANCARAN CYCLEDIOS

Pada 23 Mac 2019 yang lalu telah diadakan Program Jom Meriahkan Hari Tanpa Kenderaan & Pelancaran Cycle-dios dengan bertemakan "Go Healthy". Program ini diadakan di Buka@Muallim, Tanjong Malim. Program ini dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, Tuan Faizal Nizam Bin Md.Nor. Pelbagai aktiviti yang dijalankan antaranya Explorace Race, Selfie-Wefie, Sukaneka, Zumba, dan Pameran-pameran yang disediakan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada seluruh kakitangan MDTM kerana telah menjayakan program ini.



WORLD AUTISM AWARENESS DAY

TARIKH : 2 April 2019 (Selasa)
TEMPAT : Auditorium Seri Tanjung, MDTM



ISO 9001:2015- EFFECTIVE INTERNAL AUDITING TRAINING WITH LIVE AUDIT TRAINING

• 9-11 April 2019 • 8.30 pagi – 5.30 ptg • A'Famosa Resort, Melaka

Pada 9-11 APRIL 2019 yang telah lalu diadakan Kursus ISO 9001:2015- 'Effective Internal Auditing Training with Live Audit Training'. Kursus ini diadakan selama 3 hari. Hari pertama pengalaman dan kepentingan audit dalaman, memahami keperluan ISO9001:2015. Hari kedua perancangan dan persediaan audit dalaman, pelaksanaan audit dan pelaksanaan audit dalaman. Hari ketiga penyediaan laporan audit, tindakan pembetulan dan penyediaan laporan untuk semakan pengurusan. Peserta yang terlibat seramai 24 orang kakitangan Majlis Daerah Tanjong Malim. Penceramah Encik Selamat Bin Rahim dari CIMY.



LAWATAN MENTERI PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN KE BANDAR BELIA MALAYSIA (BBM)

Pada 16 Januari 2019 yang lalu telah diadakan Lawatan Turun Padang YB Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan Ke Bandar Belia Malaysia (BBM). Ketibaan YB Hajjah Zuraida Binti Kamaruddin di Majlis Daerah Tanjong Malim disambut dengan penghormatan oleh kakitangan MDTM. Seterusnya sesi Taklimat Bandar Belia Malaysia (BBM) oleh Yang Dipertua MDTM Tuan Faizal Nizam Bin Md.Nor.



LAWATAN MENTERI PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN KE BANDAR BELIA MALAYSIA (BBM)

Lawatan dan 'Walkabout Session' sekitar Bandar Belia Malaysia oleh Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan
YB Hajjah Zuraida Binti Kamaruddin:


- 1) Buka@Muallim.
- 2) Laluan Pejalan Kaki dan 'Mural and Art Installation' dan Gerbang Seni.
- 3) Youth Entrepreneur Hub.
- 4) Sarang Art Hub.



LAWATAN TURUN PADANG YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN KE BANDAR BELIA MALAYSIA (BBM)



Pada 18 Jun 2019 telah diadakan Lawatan Turun Padang YB Menteri Wilayah Persekutuan Ke Bandar Belia Malaysia (BBM). Ketibaan YB Tuan Haji Khalid bin Samad dan turut hadir YBhg Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kassim Ketua Setiausaha, YB Howard Lee Chuan How Exco Belia, Sukan & Pembangunan Modal Insan Negeri Perak, YB Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Tuan Haji Aminuddin bin Zulkipli ADUN kawasan Behrang, Dato' TPr Hajah Rokibah binti Abdul Latif Ketua Plan Malaysia, Puan Rotina binti Mohd Daik Ketua Jabatan Landskap Negara (JLN), Ketua-ketua Agensi dibawah Kementerian Wilayah Persekutuan, Ahli Majlis Majlis Daerah Tanjong Malim, Pegawai dan Kakitangan Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM). Sesi Taklimat Bandar Belia Malaysia (BBM) Oleh Yang Dipertua MDTM.



LAWATAN TURUN PADANG YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN KE BANDAR BELIA MALAYSIA (BBM)



Antara tempat-tempat menarik Bandar Belia Malaysia (BBM) yang dikunjungi oleh YB Tuan Haji Khalid bin Samad ke ialah :

- 1) Buka @ Muallim**
- 2) Laluan Pejalan Kaki dan 'Mural and Art Installation dan Gerbang Seni**
- 3) Youth Entrepreneur Hub**
- 4) Sarang Art Hub**



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM TAHUN 2018

Pada 4 APRIL 2019 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2018. Majlis dimulakan dengan pendaftaran Kakitangan Majlis Daerah Tanjong Malim, Nyanyian lagu Negaraku dan lagu Negeri Perak, dan seterusnya ucapan Setiausaha MDTM Encik Roslan bin Kamaruzaman dan ucapan perasmian Yang Dipertua MDTM Tuan Faizal bin Md Nor. Antara aktiviti yang dijalankan ialah penyampaian anugerah kepada kakitangan MDTM. Seramai 7 orang pesara MDTM telah menerima anugerah penghargaan. Seterusnya majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 kepada 17 orang kakitangan MDTM. Majlis diteruskan dengan penyampaian Anugerah Khas Yang Dipertua Tahun 2018 disandang oleh En.Saiful Nizam Bin Yamegun (Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa Gred Ja29) serta 17 orang lagi telah menerima Anugerah Ketrampilan. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah. Diharap kakitangan MDTM akan terus komited dan meningkatkan lagi prestasi kerja demi menaikkan imej dan kreadibiliti MDTM.



Pengiklanan Digital "Led Digital" "e-Bunting" "Lightbox"



Untuk disewa

- pengiklanan produk/syarikat anda
- menarik perhatian orang ramai
- bertempat di simpang empat utama (Jalan UPSI)



**UNTUK TUJUAN PENGIKLANAN
SILA HUBUNGI TALIAN BERIKUT :
05-4563438**

LATIHAN “FIRE DRILL”

TARIKH : 16 April 2019

MASA : 9.00 pagi

TEMPAT : Blok A (diruang hadapan blok A)
Blok B (diruang hadapan blok B)

Pada 16 April 2019 yang telah lalu Majlis Daerah Tanjong Malim mengadakan Latihan “Fire Drill”. Taklimat ini merupakan kriteria wajib dan persediaan pihak Majlis ke arah pensijilan ISO 45001:2018- Occupational Health and Safety Management System.



TAKLIMAT KEBAKARAN & UNDI TAPAK BAZAR RAMADAN TAHUN 2019

Pada 25 April 2019 yang lalu diadakan sesi Undi Tapak Bazar Ramadan Tahun 2019. Sebelum undian dimulakan telah diselitkan juga taklimat oleh KPDNKK, Taklimat Kesihatan Oleh PKD Muallim, Taklimat Kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Taklimat Mata Ganjaran I-Cycle Program kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai. Majlis berakhir dengan pengundian tapak bazar dan bersurai.

25 April 2019

Auditorium Seri Tanjong
Aras 3, MDTM



PROGRAM BAHASA INGGERIS “English is Easy”

25 April 2019

Auditorium Seri Tanjung, MDTM

Pada 25 April 2019 yang lalu telah diadakan Program Bahasa Inggeris “English is Easy” di Auditorium Seri Tanjung, MDTM. Penceramah jemputannya ialah Encik Mohd Yusoff bin Noordin. Seramai 80 orang peserta daripada kakitangan Majlis Daerah Tanjong Malim.



LATIHAN “MOCK DRILL” TAHUN 2019

Pada 30 April 2019 yang lalu telah diadakan Latihan “Mock Drill” di Majlis Daerah Tanjong Malim untuk Tahun 2019. Latihan ini bertujuan untuk memberi latihan keselamatan kepada pekerja agar dapat dilakukan sekiranya berlaku kebakaran di tempat kerja.

30 April 2019

Majlis Daerah Tanjong Malim



PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM BIL 2 2019

Pada 3 Mei 2019 yang lalu telah diadakan Perhimpunan Bulanan Majlis Daerah Tanjong Malim Bil 2 2019. Majlis dimulakan dengan ketibaan Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, nyanyian lagu Negaraku, nyanyian Lagu Negeri Perak dan bacaan doa. Ucapan dan kata-kata aluan daripada Tuan Yang Dipertua iaitu tuan Faizal Nizam bin Md Nor. Seterusnya ucapan dan kata-kata aluan dari Encik Roslan bin Kamaruzaman Setiausaha Majlis Daerah Tanjong Malim. Majlis diakhiri dengan acara memotong Pulut Kuning hari lahir.



MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KUMPUL MINYAK MASAK TERPAKAI & KEMPEN JOM TAPAU

Pada 10 Mei 2019 yang telah diadakan program pelanacaran kempen kumpul minyak masak terpakai & kempen jom Tapau. Program ini dirasmikan oleh YB Aminuddin bin zulkifli diiringi oleh Yang Dipertua, setiausaha dan ahli Majlis Daerah Tanjong Malim.



PROGRAM IHYA RAMADAN (RAMADAN MEMBENTUK GENERASI BERTAKWA)

16 Mei 2019 ■ 11.00 Pagi ■ Auditorium

Pada 16 Mei 2019 yang lalu telah diadakan program Program Ihya Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Wan Akashah Bin Wan Abdul Hamid, Pendakwah dan Pengacara Program Semanis Kurma. Program ini telah berlangsung di Auditorium Seri Tanjung, Majlis Daerah Tanjong Malim.



PROGRAM KEMPEN ZIARAH BAZAR DAN KEMPEN KUMPUL MINYAK MASAK TERPAKAI JOM GUNA PLASTIK SAMPAH MUDAH URAI & JOM TAPAU 2019

17 Mei 2019 ■ Majlis Daerah Tanjong Malim

Pada 17 Mei 2019 yang lalu telah diadakan Program Kempen Ziarah Bazar dan Kempen Kumpul Minyak Masak Terpakai Jom Guna Plastik Sampah Mudah Urai & Jom Tapau 2019. Dirasmikan oleh YB Chang Lih Kang Ahli Parlimen Tanjong Malim di iringi oleh Yang Dipertua dan Setiausaha dan Ahli Majlis, Majlis Daerah Tanjong Malim.



PROGRAM RAMADAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM BERSAMA ANAK-ANAK YATIM

23 Mei 2019 ■ 9.00 Pagi ■ Mydin USJ dan Majlis Daerah Tanjong Malim

Pada 23 Mei 2019 yang lalu telah diadakan program Ramadan Majlis Daerah Tanjong Malim bersama anak-anak yatim. Program ini diadakan setiap tahun bagi meraikan anak-anak yatim. Belanja keperluan raya berjumlah RM 200.00 setiap seorang dan sumbangan duit raya juga diberikan. Majlis berbuka puasa dan pemberian bantuan raya kepada anak-anak yatim. Majlis Daerah Tanjong Malim berterima kasih kepada penaja-penaja yang telah memberi sumbangan berbentuk wang dan barangan keperluan untuk anak-anak yatim.



MAJLIS BACAAN YASSIN DAN KHATAM AL-QURAN TAHUN 2019

24 Mei 2019 ■ 8.00 Pagi ■ Auditorium, MDTM

Pada 4 Mei 2019 yang lalu telah diadakan Majlis Bacaan Yassin dan Khatam Al-Quran Tahun 2019 di Auditorium Seri Tanjong, Majlis Daerah Tanjong Malim. Seramai 30 Peserta yang terdiri daripada kakitangan Majlis Daerah Tanjong Malim.



PROGRAM BUBUR LAMBUK MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM DAN KELAB SUKAN KEBAJIKAN KAKITANGAN, MDTM TAHUN 2019

29 Mei 2019 | Khemah Bersebelahan Dewan Seri Tanjung, MDTM

Pada 29 Mei 2019 yang lalu telah diadakan Program bubur lambuk Majlis Daerah Tanjong Malim dan Kelab Sukan Kebajikan Kakitangan, MDTM Tahun 2019. Program ini dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim. Bubur lambuk tersebut diedarkan sebelah petang di Bazar Ramadan Tanjong Malim. Sebanyak 250 bekas bubur lambuk diedarkan di sekitar Bazar Tanjong Malim.



PROGRAM BAKUL KASIH TAHUN 2019

31 Mei 2019 | Daerah Muallim


Pada 31 Mei 2019 yang lalu telah diadakan Program Bakul Kasih Tahun 2019. Sumbangan ini disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim Tuan Faizal Nizam bin MD Nor. Program ini dilaksanakan setiap tahun di bulan Ramadan untuk membantu golongan miskin di Daerah Muallim. Sebanyak 30 buah rumah diberi sumbangan bagi memudahkan urusan keperluan harian mereka.



PROGRAM SAMBUTAN AIDILFITRI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM 2019

Pada 21 Jun 2019 yang lalu telah diadakan Program Sambutan Aidilfitri Majlis Daerah Tanjong Malim Tahun 2019 di Dewan Seri Tanjong, MDTM. Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim Tuan Faizal bin MD Nor mengucapkan Ribuan terima kasih kepada Y.B. Chang Lih Kang Ahli Parlimen Tanjong Malim, Y.B. Aminuddin Zulkifli ADUN Kawasan Behrang, YBHG Shamsul Ridzuan bin Idris Pegawai Daerah Muallim, YBHG DR. HJ Mohd Yassim Bin Abdul Rahman Pengarah Hospital Slim River, YBRS Puan Siti Azura Bt Haji Juki Setiausaha Majlis Daerah Kampar, Yang Dihormati Encik Mohd Khalid bin Yusof Director of Investment and Promotion Proton Tanjong Malim Y.bhg. Barisan Ahli Majlis Majlis Daerah Tanjong Malim, Ketua-ketua Agensi kerajaan sekitar Daerah Muallim, Wakil-wakil Penduduk dan Komuniti. Majlis seterusnya menyampaikan hadiah pakaian tercantik kepada Cik Salni A/P Arunasalam dan Encik Hasnol Hady bin Hamdan. Seterusnya penyampaian Gerai Terbaik dimenangi oleh Jabatan Perlesenan dan Kesihatan Am, Jabatan Penguatkuasaan serta Jabatan Perancang Desa. Terima Kasih kepada seluruh kakitangan MDTM kerana menjayakan Program Sambutan Aidilfitri.





Majlis Daerah Tanjong Malim
Peti Surat 59
35900 Tanjong Malim

Emel : mdtmalim@mdtm.gov.my
aduan@mdtm.gov.my

Laman Web : <http://www.mdtm.gov.my>

Tel : 05-4563410/20
Faks : 05-4563430/40

Majlis Daerah Tanjong Malim mengalu-alukan sebarang sumbangan berupa berita / rencana / laporan / pendapat atau ulasan untuk disiarkan. Sebarang penerbitan ula di dalam apa jua rekabentuk tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.